

SEMINAR PEGAWAI ANTI DADAH SIRI 1/2019



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5508-seminar-pegawai-anti-dadah-siri-1-2019

KUALA LUMPUR, 15 Okt 19 - Ketua Staf MAWILUD 1, Brig Jen Dato' Zulkifli bin Hamid TUDM telah merasmikan pembukaan Seminar Pegawai Anti Dadah Siri 1/2019 bagi peringkat Pangkalan/Unit di bawah naungan Markas Wilayah Udara 1.

Seminar yang diadakan selama tiga hari bermula 14 Okt hingga 16 Okt 19 ini melibatkan 20 orang pegawai di bilik Mesyuarat Markas Wilayah Udara 1 bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan tentang bahaya dadah kepada anggota TUDM serta langkah-langkah dalam memantau dan mencegah anggota daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

